

Sinar Harian 13/10/2019 ml5 7.

Elaun sara hidup nelayan naik kepada RM250

KUALA LUMPUR - Elaun sara hidup nelayan akan ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, ia menjadikan peruntukan keseluruhan untuk elaun itu adalah sebanyak RM152 juta pada 2020.

Menurutnya, dalam usaha membantu petani, nelayan dan pekebun kecil mempelbagaikan sumber pendapatan, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh.

“Kerajaan juga berhasrat menjadikan padi pulut sebagai produk perdana di Pulau Langkawi, Kedah bagi meningkatkan pendapatan petani.

“Bagi menyokong inisiatif ini, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Pulau Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada seramai 1,200 petani,” katanya pada pembentangan Belanjawan 2020 di Parlimen semalam.

Beliau berkata, bagi meningkatkan hasil padi, kerajaan akan meningkatkan peruntukan input padi sebanyak RM855 juta bagi 2020 berbanding RM796 juta pada 2019 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim



Kerajaan memperuntukkan RM152 juta bagi peruntukan keseluruhan elaun sara hidup nelayan pada tahun 2020.

Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).

“Kerajaan juga akan meneruskan subsidi padi bukit atau padi huma,” katanya.

Guan Eng memberitahu, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil getah yang layak di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) dan Lembaga

Industri Getah Sabah (LIGS).

Menurutnya, kerajaan memahami kesukaran dihadapi pekebun kecil disebabkan harga getah rendah dan penurunan hasil pada musim tengkujuh.

“Kerajaan juga menyediakan RM100 juta untuk Insentif Pengeluaran Getah bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang terjejas akibat kejatuhan harga getah,” katanya.